



NESPRESSO & ANGEL CHEN MENGAMBIL INSPIRASI DARIPADA TAHUN BARU CINA UNTUK KEMPEN PERAYAAN INI

Meriahkan perayaan Tahun Baru Cina dengan koleksi edisi terhad kopi, mesin dan aksesori
NESPRESSO x ANGEL CHEN

Kuala Lumpur, 5 Januari 2023 – Nespresso berganding bahu dengan pereka fesyen Angel Chen untuk mempromosikan koleksi edisi terhad Tahun Baru Cina bagi memeriahkan perayaan tahun arnab. Menyampaikan koleksi terkini, Nespresso menggalak penggemar kopi bertemu dengan rakan dan taulan sambil menikmati secangkir kopi berkualiti menjelang tahun baru.

Menyuntik dengan gaya istimewa Angel yang menerap pendekatan gaya warna eksklusif dalam fesyen serta gabungan paparan estetik Timur dan Barat, **NESPRESSO x ANGEL CHEN** memaparkan ciri kesepaduan rekaan tampal motif arnab – interpretasi kreatif dan ceria terhadap haiwan ini yang sering dikaitkan dengan simbol anggun, bijak serta lambang permulaan yang baharu. Diperbuat daripada bahan sulam tangan dan renda koleksi Angel Chen serta beg jut Nespresso yang dikitar semula, rekaan tampal cantum ini menarik dan pragmatik dalam memberikan wajah baru sambil menjadi lambang kepada sahabat dan taulan berkumpul merai detik istimewa tahun ini. Bahan kitar semula ini akan dipamerkan di Nespresso Boutique di The Gardens Mall sempena musim perayaan ini.

Koleksi **NESPRESSO x ANGEL CHEN** membolehkan para penggemar kopi memeriah lagi suasana perayaan dengan pelbagai pilihan hadiah termasuk kopi berkualiti, mesin dan aksesori edisi rekaan terhad Tahun Baru Cina. Barang-barang yang dipaparkan Kesemua barangan dalam koleksi eksklusif ini dikeluarkan berdasarkan idea cenderahati untuk dikongsi bersama sahabat dan taulan.

“Kami teruja kerana dapat menerokai idea baru, dan tahun ini kami ingin merai warisan kekayaan, tradisi turun-temurun dan masa berhimpun dengan sahabat handai dan sanak saudara sempena Tahun Baru Cina. Apatah lagi dengan ilham seni rekaan Angel Chen yang mantap, bergaya dan berdaya kreatif. Kami berganding idea bagi melangkaui sempadan kreativiti dan memberi penuh makna serta pentafsiran moden kepada perayaan tahun arnab ini buat semua penggemar kopi”, jelas Melanie Brinbaum, Ketua Pegawai Jenama Nespresso.

Kata Angel Chen, “Kolaborasi ini adalah kerjasama amat paling istimewa dan kreatif bagi untuk saya. Disebabkan tema rekaan berkisar tahun arnab, maka saya membuat banyak penyelidikan kajian mengenai bahan dan kaedah cara tampal cantum atau *patchwork*. Ilham cipta juga terbit daripada lawatan ke butik Nespresso di mana saya dapati betapa cantiknya rekacipta berasas kapsul kopi kitar semula. Seronok punya kebebasan mengolah cipta guna warna, cetak dan fabrik, serta mengadun rekaan tampal dan cantum bertema arnab. Inspirasi juga terbina setelah melihat bagaimana bahan kitar semula boleh digunakan.”



Menyambut permulaan lebih bermakna dengan ciptaan baharu

Diilhamkan daripada musim perayaan serta menggabungkan bahan-bahan kegemaran Angel Chen seperti limau bali, maka terciptalah dua resipi perisa istimewa khusus bagi memenuhi citarasa berbeza penggemar kopi. Sama ada sebagai penutup jamuan makan bersama dengan keluarga atau minuman petang bersama teman, resepi-resipi ini pasti dapat menjadikan perayaan Tahun Baru Cina kali ini lebih seronok lagi bermakna.

Nikmati hirupan berperisa kerangupan lemak kacang **The Peanut Mocha** – diperbuat daripada Nespresso Master Origins Nicaragua, susu, sirap coklat, mentega kacang dan kacang pistachio. Kacang

dan pistachio adalah snek popular ketika perayaan tahun baru dan selalunya dikaitkan dengan nasib yang baik dan kebahagiaan. Jumlah tetamu secangkir kopi berkrim yang enak dihidang dengan seni ceria 3D latte art untuk menyerlah kemahiran barista anda – dengan bantuan Aeroccino 3.

Nikmati kemewahan **Sweet Reunion**, minuman yang dicipta untuk merai saat manis dan gembira ketika berhimpun dengan orang tersayang. Berlandaskan *World Explorations Shanghai Lungo*, jus epal, jem madu limau bali dan hirisan epal diadun bagi memberi kesegaran buahan dalam minuman. Sebutan limau bali dalam bahasa Cina mirip bermakna ‘berkat’ manakala bentuk bulat buahnya melambang ‘keluarga berhimpun’. Bagi kepercayaan orang Cina limau bali dikaitkan dengan ‘berkat rumahtangga’. Penggunaan limau bali adalah saranan Angel Chen kerana ia ramuan buah kegemaran beliau.

The Peanut Mocha	Sweet Reunion
	
<p>Ramuan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1x kapsul <i>Master Origins Nicaragua</i> • 3ml sirap coklat • 2g sapuan mentega kacang • 120ml susu • Kacang pistachio <p>Bahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cawan VIEW Cappuccino (180ml) • Aeroccino 3 	<p>Ramuan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1x kapsul <i>World Explorations Shanghai Lungo</i> • 1 sudu kecil jem madu limau bali • 80ml jus epal • 3 kiub ais (30g setiap satu) • Beberapa hirisan epal <p>Bahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gelas VIEW Recipe (350ml)
<p>Cadangan hidangan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tuang 3ml sirap coklat dan tambahkan 2g sapuan mentega kacang ke dalam Cawan VIEW Cappuccino. 2. Masukkan ekstrak 40ml <i>Master Origins Nicaragua</i> ke dalam Cawan VIEW Cappuccino. 3. Tuang 120ml susu ke dalam Aeroccino 3 untuk buih susu panas and masukkan ke dalam Cawan VIEW Cappuccino. 4. Kembangkan kreativiti dan lukiskan imej art 3D dengan buih susu. Jalurkan dengan sirap coklat di atasnya dan hidang. 	<p>Cadangan hidangan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Masukkan 1 sudu kecil jem madu limau bali ke dalam Gelas VIEW Recipe. 2. Tuang 80ml jus epal dan tiga kiub ais ke dalam Gelas VIEW Recipe. 3. Masukkan ekstrak 110ml <i>Shanghai Lungo</i> ke dalam Gelas VIEW Recipe. 4. Hias dengan beberapa hirisan epal.



5. Taburkan sedikit kacang pistachio sekeliling arnab 3D.	
---	--

Idea cenderahati bertuah berupa kopi, mesin dan aksesori edisi terhad

Koleksi **NESPRESSO x ANGEL CHEN** menyaji menawarkan keluaran eksklusif *coffee sleeve*, dihidang dalam pek pelbagai 5-pilihan, sudah tentu keluaran mekar klasik sepanjang masa **Nespresso** – *Ispirazione Arpeggio, Ispirazione Napoli, Ispirazione Venezia, Master Origins Nicaragua* dan *World Explorations Shanghai Lungo*. Pek CNY 5-sleeve (50 kapsul) ini dijual dengan harga RM124.50.

Kini merupakan masa yang paling sesuai untuk memperbaharui dan menambah koleksi mesin kopi sewaktu Tahun Baru Cina. **Nespresso** menawar penjimatan lebih 30% bagi pembelian mesin kopi pilihan bagi setiap belian kapsul sebanyak 5 sleeve (50 kapsul) kopi **Nespresso**, dan pelanggan berhak menerima set eksklusif Paket Merah **Nespresso**.

- Essenza Mini berharga RM438
- Essenza Mini Bundle berharga RM638
- Pixie berharga RM638
- Pixie Bundle berharga RM838
- Lattissima One berharga RM1,138
- Lattissima Touch berharga RM1,338

Bagi penggemar kopi yang membeli 15 sleeve (150 kapsul) kopi **Nespresso**, anda boleh bawa pulang hadiah percuma khas beg uncang kain kapas (cotton pouch) Angel Chen, dua set Paket Merah **Nespresso** dan Klub Kredit **Nespresso** bernilai RM38. Beg uncang kain kapas buatan eksklusif ini dipadankan dengan hasil *patchwork* motif arnab rekaan Angel Chen, diperbuat daripada bahan kitar semula yang mampan dan berkualiti.

Sementara itu, mug Kembara **NESPRESSO x ANGEL CHEN** edisi terhad berwarna merah raya turut ditawarkan di semua butik pada RM129. Dalam menyambut musim perayaan, pelanggan boleh membawa pulang CNY 5-sleeve pilihan dan mug Kembara **NESPRESSO x ANGEL CHEN** edisi terhad dengan harga pakej CNY istimewa RM238. Selain itu, pelanggan boleh menikmati penjimatan 20% pada semua rangkaian koleksi VIEW.

Penggemar kopi boleh memulakan era baru bersama **Nespresso** dengan mendapatkan edisi terhad ini di butik terpilih di The Gardens Mall, 1 Utama Shopping Centre, Sunway Pyramid, Pavilion Kuala Lumpur, 163 Retail Park dan Publika, Mont Kiara dan Gurney Plaza, Pulau Pinang; serta melalui aplikasi mudah alih **Nespresso**, laman web rasmi **Nespresso** (www.nespresso.com) dan menerusi Customer Careline di 1800 80 7001 (waktu operasi: setiap hari dari 08:00 sehingga 22:00, bebas tol).

- TAMAT -

Mengenai Nestlé Nespresso SA

Nestlé Nespresso SA merupakan pelopor dan sumber rujukan untuk kopi kapsul yang paling berkualiti. Syarikat ini bekerjasama dengan lebih 140,000 orang petani dari 18 buah negara melalui program AAA Sustainable Quality™ yang menggalakkan amalan penanaman mampan di ladang pertanian serta kawasan lanskap di sekitarnya. Dilancarkan pada tahun 2003 dengan kerjasama *The Rainforest*



Alliance, program inibantu meningkatkan jumlah hasil dan kualiti tanaman, memastikan bekalan kopi berkualiti tinggi yang mampan serta mempertingkatkan kehidupan para petani dan komuniti mereka.

Pada tahun 2022, Nespresso telah diiktiraf dengan akreditasi global B Corp™, dengan itu menyertai 49,000 syarikat dalam komitmen untuk dipimpin oleh tujuan yang berprinsip dan merangkumi segala standard dan kriteria tinggi B Corp berkenaan aspek amalan alam sekitar dan sosial korporat.

Berpusat di Lausanne, Switzerland, **Nespresso** beroperasi di 81 buah negara dan mempunyai 13,000 orang pekerja. Ia juga mengoperasikan rantaian runcit sedunia dengan 802 buah butik pada 2021. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web korporat **Nespresso**: <https://nestle-nespresso.com/>.

Mengenai ANGEL CHEN

ANGEL CHEN, jenama pereka Cina terkemuka diasas pada 2014 oleh Angel Chen. Gaya ciptaan jenama fesyen dengan pendekatan warna warni dipadan konsep teras gabungan (fusion) mewakili estetik Timur dan Barat. Dianggap jenama antarabangsa popular kalangan orang muda, jenama ini terkenal dengan warna asli pekat dan tulen, elemen haiwan yang menyenangkan mata memandangi, dan kraf sulaman unik.

ANGEL CHEN telah memperagakan ciptaan di acara rasmi Milan Fashion Week sejak 2017 dan berjaya melancarkan pelbagai kerjasama lintasan dengan jenama perdana dan melonjak populariti dan mencapai pengiktirafan di seluruh dunia. Membekal kepada lebih 100 peruncit antarabangsa, ANGEL CHEN kini sebahagian daripada arus baru jenama Cina yang memberi impak di peringkat global.

Pada 2020, Angel Chen menyertai “Next in Fashion” di Netflix di mana beliau muncul 4 teratas dengan memperagakan stail signature dan teknik kemahiran yang tinggi.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Alessandra Foong

Senior Brand Communications Executive

Nespresso Malaysia

Address: Level 22, 1 Powerhouse, No.1 Persiaran Bandar Utama, Bandar Utama 47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +6018-3551218

Email: Alessandra.FoongAi-Di@nespresso.com

Douglas Tan / Jacqueline Khoo

BCW Malaysia

Mobile: +6016-375 3703 / +6016-453 8183

Email: MYNespresso@bcw-global.com